



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 26

20hb Disember 2007

*TAMBAHAN No. 11
PERUNDANGAN*

K. P.U. 13.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)
(MAJLIS DAERAH KUBANG PASU) 2007

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Peruntukan tempat letak kereta
4. Tidak dibenarkan meletak kereta kecuali di petak letak kereta
5. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi

Fasal

6. Bayaran letak kereta dibayar kepada atendan
7. Cara meletakkan kenderaan motor
8. Dilarang meletak kenderaan motor tanpa membayar bayaran letak kereta

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA MUSIM DAN BERTIKET

9. Pembayaran bayaran letak kereta
10. Bayaran tambahan
11. Kesalahan kerana tidak membayar bayaran tambahan
12. Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket
13. Tiket letak kereta musim dan tempat letak kereta musim

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

14. Petak letak kereta bermeter
15. Bayaran letak kereta untuk petak letak kereta bermeter
16. Kenderaan motor hendaklah dikeluarkan selepas tamat tempoh meletak kereta
17. Meter letak kereta yang cacat
18. Gangguan terhadap meter letak kereta

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

19. Petak letak kereta bayar dan peraga
20. Tidak boleh meletak kenderaan motor tanpa bayaran
21. Mempamerkan tiket bayar dan peraga
22. Kesalahan
23. Kenderaan motor hendaklah dikeluarkan selepas tamat tempoh letak kereta
24. Meter letak kereta yang cacat
25. Pengeluaran meterkad

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Fasal

26. Pengeluaran kupon letak kereta
27. Syarat-syarat bagi menggunakan kupon letak kereta
28. Penggunaan kupon letak kereta
29. Mempamerkan kupon letak kereta
30. Kesalahan

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

31. Tempat letak kereta terkawal
32. Syarat-syarat untuk meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal
33. Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal
34. Tidak boleh meletak kenderaan motor tanpa membayar bayaran letak kereta
35. Bayaran tambahan

BAHAGIAN VIII

PELBAGAI

36. Sekatan terhadap meletak kenderaan motor kali kedua dengan menggunakan tiket asal
37. Keselamatan kenderaan motor lain
38. Peggantungan tempat letak kereta
39. Penghalangan dan pengalihan
40. Kenderaan motor dialih selepas satu hari
41. Pengalihan dan penahanan kenderaan motor
42. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan
43. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas lebihan bayaran tempat letak kereta
44. Larangan berdagang dan berniaga

Fasal

45. Larangan membaiki kenderaan motor
46. Larangan membasuh dan mencuci
47. Orang-orang yang dibenarkan di tempat letak kereta
48. Larangan penggunaan tempat letak kereta untuk tujuan selain daripada meletak kereta
49. Pengalihan resit, tiket atau kompaun
50. Kecemasan
51. Petak letak kereta yang dikhaskan
52. Kuasa meminda atau memansuhkan Jadual
53. Penalti
54. Mengkompaun kesalahan
55. Liabiliti pemunya berdaftar

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

 AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

 PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
 (PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)
 (MAJLIS DAERAH KUBANG PASU) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Daerah Kubang Pasu membuat Perintah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kubang Pasu) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Perintah ini hanya terpakai bagi kawasan Majlis Daerah Kubang Pasu.

(4) Perintah ini tidak terpakai bagi mana-mana ambulans, kereta bomba dan kenderaan rasmi Kerajaan termasuk angkatan tentera dan polis.

(5) Yang Dipertua boleh menggunakan budibicaranya untuk mengecualikan mana-mana badan atau orang daripada pembayaran bayaran-bayaran yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama Perintah ini.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“atendan letak kereta” ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi maksud Perintah ini dan termasuk mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menyelia, mengurus atau menjaga mana-mana tempat letak kereta dan memungut bayaran letak kereta;

“bayaran letak kereta” ertinya bayaran yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Pertama atau Jadual Kedua bagi perletakan kenderaan motor di petak letak kereta;

“jalan” ertinya mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan-kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan, pulau lalulintas, pembahagi jalan, garisan tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuhnya kepada penggunaannya;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerak atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihal yang didorongi oleh sesuatu mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan, tetapi tidak termasuk mana-mana motosikal atau motor skuter beroda dua;

“kenderaan perkhidmatan awam” ertinya kenderaan motor yang digunakan untuk membawa penumpang untuk sewa atau upah atau untuk apa-apa balasan lain;

“kupon letak kereta” ertinya kupon yang dikeluarkan oleh Majlis apabila bayaran dibuat yang di atasnya tercatat kadar bayaran, tempoh masa dan tarikh, bagi membenarkan kenderaan motor diletakkan di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta, kecuali di tempat letak kereta terkawal atau tempat letak kereta bermusim untuk tempoh masa tersebut pada tarikh itu;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kubang Pasu;

“meletak kereta” ertinya membawa sesuatu kenderaan motor kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkannya menunggu bagi apa-apa maksud selain daripada mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang-orang, barangan atau bagasi;

“meter letak kereta” ertinya suatu radas yang dibina dan direkabentuk untuk menerima bayaran bagi meletakkan kenderaan motor di dalam petak letak kereta dan termasuklah tiang besi penyangga atau apa-apa topangan lain yang dipasang kepada radas;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang berfungsi apabila dimasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta dan kemudian mekanisme di dalam meter letak kereta secara automatik menunjukkan tempoh kenderaan motor dibenarkan untuk diletak mengikut nilai syiling atau meterkad yang telah dimasukkan;

“meter letak kereta bayar dan peraga” ertinya meter letak kereta yang apabila dimasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter itu dan dengan menekan atau memusing atau memetik mana-mana alat yang dinyatakan pada meter itu, akan mengeluarkan suatu tiket letak kereta bayar dan peraga;

“meterkad” ertinya kad yang dikeluarkan oleh Majlis membenarkan mana-mana orang yang ingin meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar dan peraga atau di tempat letak kereta bermeter mengikut kadar bayaran letak kereta yang ditetapkan dalam ruang 2 Jadual Pertama;

“pemunya kenderaan motor” ertinya pemunya kenderaan motor yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan;

“petak letak kereta” ertinya petak yang ditandakan mengikut saiz standard bagi kenderaan motor yang ditetapkan oleh Majlis di suatu tempat letak kereta bagi meletak sesuatu kenderaan motor;

“syiling” ertinya syiling matawang Malaysia;

“tempat letak kereta” ertinya suatu tempat yang diasingkan sebagai tempat di mana kenderaan motor atau mana-mana kelas atau perihal kenderaan motor yang dinyatakan diletak;

“tempat letak kereta ber kupon” ertinya tempat letak kereta di mana kupon letak kereta digunakan untuk meletak kenderaan motor;

“tempat letak kereta bertiket” ertinya tempat letak kereta seperti dinyatakan dalam Jadual Pertama di mana bayaran yang dikenakan adalah mengikut jam, dan untuk setiap jam kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, tiket akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang menyatakan kadar bayaran;

“tempat letak kereta musim” ertinya suatu tempat letak kereta yang bayarannya adalah berdasarkan bayaran bulanan dan petak letak kereta akan ditanda dengan perkataan sewa atau dengan nombor kenderaan motor yang membayar bayaran yang ditetapkan oleh Majlis;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis automatik digunakan;

“tempat letak kereta terkawal” ertinya suatu tempat letak kereta di mana apabila sesuatu kenderaan motor dipandu masuk ke tempat letak kereta, tiket akan dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket automatik di kaunter masuk yang di atasnya akan dicatatkan tarikh dan waktu masuk dan bayaran hendaklah dijelaskan di kaunter keluar kepada atendan letak kereta yang bertugas mengikut kadar bayaran yang ditetapkan dalam ruang 2 Jadual Pertama;

“tempat letak kereta bayar dan peraga” ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

“tiket letak kereta” ertinya tiket mengikut format yang ditetapkan oleh Majlis yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, nombor petak, jumlah bayaran letak kereta, tarikh serta tempoh sesuatu kenderaan motor dibenarkan diletak di tempat letak kereta bertiket dan tempat letak kereta terkawal;

“tiket letak kereta musim” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh Majlis menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah tiket dan jumlah bayaran yang dijelaskan bagi meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta musim;

“tiket letak kereta bayar dan peraga” ertinya tiket yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga yang di atasnya tercatat nombor pendaftaran kenderaan motor, tarikh, tempoh dan tempoh sesebuah kenderaan motor dibenarkan untuk diletak di tempat letak kereta;

“tiket letak kereta bulanan” ertinya tiket yang dikeluarkan secara bulanan oleh Majlis menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah tiket, nombor siri dan jumlah bayaran yang dijelaskan bagi meletakkan kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta melainkan tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kubang Pasu.

BAHAGIAN II
PERUNTUKAN AM

Peruntukan tempat letak kereta

3. (1) Majlis membuat peruntukan bahawa:

- (a) jalan, sepanjang jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama adalah tempat-tempat letak kereta dari jenis yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama bagi kenderaan motor kecuali teksi luar; dan
- (b) jalan, sejajaran jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua adalah tempat letak kereta bagi teksi luar, dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah terpakai baginya.

(2) Bagi maksud Perintah ini kenderaan motor tidak termasuk mana-mana kenderaan motor yang badan kenderaan motor itu melebihi had ukuran untuk petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.

(3) Berkenaan dengan tempat letak teksi, teksi luar yang menggunakan tempat letak kereta itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Majlis dan mana-mana orang yang menggunakan tempat itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

Tidak dibenarkan meletak kereta kecuali di petak letak kereta

4. Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa jua kenderaan motor di mana-mana tempat pada mana-mana jalan atau sepanjang jalan di mana ada tempat letak kereta melainkan di tempat letak kereta yang dinyatakan dalam perenggan 3.

Syarat-syarat yang perlu dipatuhi

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis berhubung dengan penggunaan tempat letak kereta itu.

Bayaran letak kereta dibayar kepada atendan

6. Tiada seorang pun kecuali atendan letak kereta yang bertugas dibenarkan mengutip apa-apa bayaran sama ada dengan resit atau tanpa resit daripada mana-mana pemandu atau tuan punya kenderaan motor yang menggunakan tempat letak kereta.

Cara meletakkan kenderaan motor

7. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis hendaklah meletakkan kenderaan motornya menurut cara-cara berikut:

- (a) kenderaan motor itu hendaklah berada di dalam kedudukan di mana seluruh bahagian kenderaan motor berada di dalam petak letak kereta;

- (b) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalulintas dan mematuhi semua isyarat lalulintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta;
- (c) tidak merintanggi mana-mana garisan petak letak kereta yang telah ditandakan;
- (d) hanya satu kenderaan motor dibenarkan diletak di dalam satu petak letak kereta.

(2) Jika mana-mana kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta melanggar subperenggan (1) maka atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengubah atau menyebabkan diubah kedudukan kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan (1) dan pemandu atau orang yang berkuasa ke atas kenderaan motor itu hendaklah mematuhi segala arahan yang diberi oleh atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis yang beruniform.

Dilarang meletak kenderaan motor tanpa membayar bayaran letak kereta

8. Tiada seorang pun boleh meletakkan apa-apa kenderaan motor di suatu tempat letak kereta atau petak letak kereta di dalam masa kawalan yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual Pertama tanpa membayar bayaran letak kereta yang ditetapkan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA MUSIM DAN BERTIKET

Pembayaran bayaran letak kereta

9. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta bertiket pada waktu yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah mematuhi arahan yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu.

(2) Sebaik sahaja sesuatu kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta di tempat letak kereta bertiket, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta dan dengan serta merta meletakkannya pada cermin hadapan kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah menjelaskan bayaran letak kereta dalam tempoh empat belas hari dari tarikh tiket dikeluarkan.

(3) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di petak letak kereta selepas tamat tempoh sejam dari masa tiket letak kereta dikeluarkan maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta yang baru dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

Bayaran tambahan

10. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subperenggan 9(2) hendaklah, apabila diberitahu secara bertulis oleh Majlis mengenai pelanggaran itu, membayar kepada Majlis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan bayaran tambahan sebanyak lima ringgit bagi setiap jam kenderaan motor itu diletakkan di petak letak kereta tanpa membayar bayaran letak kereta.

Kesalahan tidak membayar bayaran tambahan

11. Mana-mana orang yang gagal membayar bayaran tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perenggan 10 adalah melakukan suatu kesalahan.

Tidak dibenarkan meletak kenderaan motor tanpa tiket

12. Tiada seorang pun boleh—

- (a) meletakkan atau menyebabkan atau membenarkan diletak kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta bertiket atau tempat letak kereta musim tanpa tiket letak kereta atau tiket letak kereta musim; atau
- (b) terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta selepas tamat tempoh masa sesuatu kenderaan motor dibenarkan diletak di petak letak kereta seperti dinyatakan pada tiket letak kereta atau tiket letak kereta bermusim.

Tiket letak kereta musim dan tempat letak kereta musim

13. (1) Mana-mana orang boleh mendapatkan tiket letak kereta musim apabila membuat bayaran yang ditetapkan oleh Majlis mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Penggunaan setiap tiket letak kereta musim adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis yang mana hendaklah dipatuhi oleh pemegang tiket letak kereta musim dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Majlis tanpa memberikan apa-apa sebab.

(3) Tiada seorang pun boleh meletakkan atau membenarkan atau menyebabkan diletak apa-apa kenderaan motor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta musim melainkan telah dikeluarkan bagi kenderaan motor itu tiket letak kereta musim.

(4) Tiket letak kereta musim yang sah hendaklah dipamerkan di cermin hadapan kenderaan motor pada setiap masa untuk pemeriksaan dan pemegang tiket letak kereta hendaklah memastikan bahawa atendan letak kereta yang bertugas tidak menghalang pandangannya untuk memeriksa tiket itu pada bila-bila masa apabila kenderaan motor itu diletak di petak letak kereta musim.

BAHAGIAN IV**TEMPAT LETAK KERETA BERMETER****Petak letak kereta bermeter**

14. Sesuatu tempat letak kereta bermeter boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta dengan tiap-tiap satu petak hendaklah disediakan dengan meter letak kereta jenis automatik.

Bayaran letak kereta untuk petak letak bermeter

15. (1) Tiada seorang pun boleh, meletakkan apa-apa kenderaan motor di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta bermeter tanpa membayar bayaran letak kereta tersebut.

(2) Pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah sebaik sahaja meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bermeter, membayar bayaran letak kereta dengan memasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta yang disediakan bagi tiap-tiap petak letak kereta bersamaan dengan jumlah bayaran letak kereta yang dinyatakan di meter letak kereta untuk tempoh kenderaan motor tersebut hendak diletak.

Kenderaan motor hendaklah dikeluarkan selepas tamat tempoh meletak Kereta

16. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta di tempat letak kereta bermeter tidak boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta selepas habis tempoh kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan di meter letak kereta.

(2) Jika seseorang yang tersebut di bawah subperenggan (1) berhasrat hendak melanjutkan tempoh letak kereta di petak letak kereta di tempat letak kereta bermeter, orang itu boleh berbuat demikian sebelum atau sebaik sahaja habis tempoh letak kereta itu dengan memasukkan syiling tambahan atau meterkad ke dalam meter letak kereta itu yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan untuk tempoh lanjutan sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan pada satu masa.

Meter letak kereta yang cacat

17. (1) Jika mana-mana orang yang menggunakan sesuatu petak letak kereta di tempat letak kereta bermeter mendapati bahawa meter letak kereta yang ditempatkan bagi petak letak kereta itu rosak atau cacat, maka orang yang menggunakan petak letak kereta itu hendaklah memberitahu mana-mana atendan letak kereta yang bertugas mengenai hal itu.

(2) Atendan letak kereta yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah mengesahkannya dan hendaklah selepas membuat pengesahan sedemikian mengeluarkan suatu resit rasmi di mana di atasnya hendaklah ditulis:

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (b) tarikh dan tempoh kenderaan motor itu dibenarkan di petak letak kereta itu yang sama kadarnya dengan amaun yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan
- (c) menampalkan suatu salinan pendua resit rasmi itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta yang bertugas hendaklah menampalkan pada meter letak kereta yang didapati rosak atau cacat suatu notis lagi maksud itu, atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau menurut apa-apa cara lain yang difikirkannya patut.

Gangguan terhadap meter letak kereta

18. Tiada seorang pun boleh mengalih atau mengetuk atau mengganggu atau mengusik perjalanan sesuatu meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana daripada perbuatan sedemikian atau tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada atau mengecat atau menulis atas, atau merosakkan atau selainnya menyalahgunakan, mana-mana meter letak kereta.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

Petak letak kereta bayar dan peraga

19. Sesuatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta dan sejumlah petak letak kereta yang ditentukan oleh Majlis hendaklah disediakan dengan satu meter letak kereta bayar dan peraga.

Tidak boleh meletak kenderaan motor tanpa bayaran

20. (1) Tiada seorang pun boleh meletakkan kenderaan motor di sesuatu petak letak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tanpa membayar bayaran letak kereta yang ditetapkan bagi tempoh yang dikenakan.

(2) Pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah sebaik sahaja meletakkan kenderaan motornya di tempat letak kereta bayar dan peraga membayar bayaran letak kereta dengan memasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga bersamaan dengan jumlah bayaran yang dinyatakan di meter letak kereta bayar dan peraga untuk tempoh masa kenderaan motor hendak diletak.

Mempamerkan tiket bayar dan peraga

21. (1) Pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah, sebaik sahaja menerima tiket letak kereta bayar dan peraga yang dikeluarkan oleh meter letak kereta bayar dan peraga mempamerkan tiket tersebut di atas 'dashboard' sebelah kanan daripada cermin besar hadapan atau di atas sebelah kanan tingkap hadapan kenderaan motor itu yang mudah dilihat dan memastikan bahawa tiada apa-apa benda atau objek yang boleh menyebabkan atau membenarkan dihalang pandangan atendan letak kereta untuk menyemak tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga adalah sah digunakan di mana-mana tempat letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim atau tempat letak kereta terkawal dengan syarat hanya kenderaan yang sama sahaja boleh menggunakannya dan tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan di tiket letak kereta bayar dan peraga masih belum tamat.

(3) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga menurut subperenggan (1) adalah melakukan kesalahan.

(4) Tiket letak kereta bayar dan peraga yang dipamerkan hendaklah tidak dipinda, diubah, dirosakkan, dilipat atau diconteng yang mana akan menyebabkan tiket letak kereta terhenti daripada menjadi sah walaupun tempoh dan tarikh yang tercatat pada tiket itu belum lagi tamat.

Kesalahan

22. Mana-mana pemunya atau pemandu kenderaan motor:

- (a) yang gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang sah;
- (b) yang mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah tamat tempoh;
- (c) yang mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah dipinda, diubah, dilipat, diconteng; atau
- (d) yang mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga di dalam keadaan di mana tiket letak kereta bayar dan peraga tidak dapat dikenalpasti atau dilihat oleh atendan letak kereta semasa menjalankan pemeriksaan,

adalah melakukan kesalahan di bawah Perintah ini.

Kenderaan motor hendaklah dikeluarkan selepas tamat tempoh letak kereta

23. (1) Mana-mana orang yang meletakkan kenderaan motornya di petak letak kereta bayar dan peraga tidak boleh membenarkan atau menyebabkan kenderaan motor itu terus berada di tempat letak kereta itu apabila habis tempoh kenderaan motor itu dibenarkan sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Jika orang yang tersebut dalam subperenggan (1) hendak melanjutkan tempoh letak kereta dengan melebihi tempoh yang baginya bayaran dibuat pada asalnya, orang itu boleh berbuat demikian sebelum atau sebaik sahaja tamat tempoh letak kereta itu dengan memasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga yang sama nilainya dengan amaun yang ditetapkan bagi tamat tempoh letak kereta itu yang ditetapkan bagi tempoh tambahan itu dan mendapatkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru.

Meter letak kereta yang cacat

24. (1) Jika mana-mana orang yang menggunakan sesuatu petak letak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga mendapati meter bayar dan peraga yang disediakan rosak atau cacat, orang yang menggunakan petak letak kereta itu hendaklah memberitahu mana-mana atendan letak kereta yang bertugas mengenai kerosakan itu.

(2) Atendan letak kereta yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah mengesahkannya dan hendaklah, di atas pengesahan itu:

- (a) mengeluarkan satu resit rasmi di mana di atasnya hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, tarikh dan tempoh kenderaan motor itu dibenarkan diletak di petak letak kereta bayar dan peraga dan bayaran yang

ditetapkan yang perlu dibayar adalah mengikut tempoh letak kereta yang dikehendaki atau mengikut apa-apa amaun yang dimasukkan ke dalam meter letak kereta bayar dan peraga; dan

(b) menampal salinan pendua resit rasmi di atas 'dashboard' sebelah kanan daripada cermin besar hadapan atau di atas sebelah kanan tingkap hadapan kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta yang bertugas hendaklah menampalkan pada meter letak kereta yang didapati rosak atau cacat suatu notis bagi maksud itu.

Pengeluaran meterkad

25. Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengeluarkan meterkad kepada mana-mana orang setelah bayaran letak kereta yang ditetapkan dijelaskan.

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Pengeluaran kupon letak kereta

26. Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua boleh mengeluarkan kupon letak kereta kepada mana-mana orang yang membayar bayaran letak kereta yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat bagi menggunakan kupon letak kereta

27. (1) Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta yang dikeluarkan oleh Majlis untuk meletakkan kenderaan motor hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam kupon letak kereta.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi syarat-syarat yang disebut dalam subperenggan (1) adalah melakukan kesalahan.

Penggunaan kupon letak kereta

28. Pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletakkan kenderaan motornya di mana-mana petak letak kereta kecuali di petak letak kereta di tempat letak kereta musim dan tempat letak kereta terkawal mengikut tempoh masa yang dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam kupon letak kereta itu.

Mempamerkan kupon letak kereta

29. (1) Pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta untuk meletakkan kenderaan motor hendaklah mempamerkan kupon letak kereta di atas 'dashboard' sebelah kanan daripada cemin besar hadapan atau di atas sebelah kanan tingkap hadapan kenderaan motor itu yang mudah dilihat dan hendaklah

memastikan bahawa pandangan atendan yang bertugas tidak terhalang untuk memeriksa kupon letak kereta itu, pada bila-bila masa ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta itu.

(2) Jika pemunya atau pemandu kenderaan motor menggunakan lebih daripada satu kupon letak kereta, kesemua kupon tersebut hendaklah dipamerkan serentak pada masa yang sama.

(3) Kupon letak kereta yang diguris atau ditebuk mengikut tempoh masa yang diperlukan terhenti menjadi sah jika dipinda, diubah, dirosak, dilipat atau diconteng.

Kesalahan

30. Jika pemunya atau pemandu kenderaan motor—

- (a) gagal mempamerkan kupon letak kereta yang sah;
- (b) mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh yang dibenarkan;
- (c) mempamerkan kupon letak kereta di dalam keadaan di mana kupon letak kereta tersebut tidak dapat dikenalpasti, atau dilihat oleh atendan letak kereta semasa menjalankan pemeriksaan,

adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

Tempat letak kereta terkawal

31. Sesuatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagi-bahagikan kepada petak letak kereta dan hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Syarat-syarat untuk meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal

32. (1) Mana-mana orang yang ingin meletakkan kenderaan motornya di petak letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta terkawal di pintu masuk tempat letak kereta terkawal itu—

- (a) yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket; dan
- (b) di atas tiket tersebut dinyatakan waktu masuk dan tarikh, semasa memandu kenderaan motor itu ke tempat letak kereta terkawal.

(2) Tiket letak kereta yang diterima oleh pemunya atau pemandu kenderaan motor hendaklah diserahkan kembali kepada atendan letak kereta yang bertugas apabila pemunya atau pemandu kenderaan motor memandu keluar kenderaan motornya dari tempat letak kereta terkawal selepas membayar bayaran tempat letak kereta untuk tempoh masa kenderaan motor tersebut diletakkan di tempat letak kereta terkawal.

Penalti kerana menghilangkan tiket tempat letak kereta terkawal

33. Jika pemunya atau pemandu kenderaan motor menghilangkan atau merosakkan tiket tempat letak kereta yang dikeluarkan maka pemunya atau pemandu kenderaan motor adalah bertanggungjawab membayar bayaran tambahan sebanyak sepuluh ringgit kepada atendan tempat letak kereta yang bertugas.

Tidak boleh meletak kenderaan motor tanpa membayar bayaran letak kereta

34. Tiada seorang pun boleh meletakkan kenderaan motor di sesuatu petak letak kereta di tempat letak kereta terkawal tanpa membayar bayaran letak kereta yang ditetapkan atau apa-apa bayaran tambahan yang dikenakan di bawah perenggan 33.

Bayaran tambahan

35. Jika mana-mana orang meletakkan kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal melebihi tempoh masa yang ditetapkan oleh Majlis, orang itu hendaklah membayar bayaran tempat letak kereta bagi masa yang kenderaan motor itu telah diletakkan di tempat letak kereta terkawal dan bayaran tambahan berjumlah sepuluh ringgit sehari.

BAHAGIAN VIII**PELBAGAI****Sekatan terhadap meletak kenderaan motor kali kedua dengan menggunakan tiket asal**

36. (1) Tiada seorang pun yang telah mengalihkan kenderaan motornya dari suatu petak letak kereta sebelum habis tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kereta itu berhak meletak kereta itu dalam petak letak kereta yang itu juga bagi kali keduanya tanpa membayar lagi bayaran yang ditetapkan walaupun tempoh asal yang dibenarkan itu belum lagi habis.

(2) Peruntukan-peruntukan subperenggan (1) tidak dipakai bagi pemegang tiket tempat letak kereta musim yang sah yang meletakkan kereta motor di tempat letak kereta musim.

Keselamatan kenderaan motor lain

37. Kenderaan motor dalam kawasan sesuatu tempat letak kereta tidak boleh ditarik, dipandu atau ditolak kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan kenderaan motor lain dan orang-orang dalam kawasan tempat letak kereta itu.

Penggantungan tempat letak kereta

38. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat letak kereta pada bila-bila masa yang difikirkan penggantungan itu adalah perlu—

- (a) bagi maksud memudahkan aliran lalulintas atau bagi mewujudkan keselamatan lalulintas;

- (b) bagi maksud apa-apa gerakan membina, kerja meroboh atau mengorek yang berdampingan dengan petak letak kereta atau penyelenggaraan, pengelokan atau pembinaan semula tempat letak kereta atau pembaikan kepada mana-mana betung atau mana-mana kabel, paip sesalur atau radas untuk membekalkan air atau elektrik atau mana-mana talian telefon atau telegraf;
- (c) untuk menyenangkan penduduk rumah-rumah yang berdampingan atau berhampiran dengan tempat letak kereta pada masa perkahwinan atau pengkebumian atau peristiwa khas;
- (d) kerana apa-apa sebab lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(2) Atas apa-apa penggantungan, mana-mana atendan letak kereta hendaklah menampal suatu notis berhampiran atau di tempat letak kereta atau petak letak kereta berkenaan dan adalah menyalahi undang-undang bagi sesiapa yang meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta atau di petak letak kereta tersebut kecuali bagi maksud penggantungan itu dibuat.

(3) Mana-mana orang yang memerlukan petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian hendaklah mengemukakan permohonan kepada Yang Dipertua menyatakan lokasi, nombor petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan hendaklah, sekiranya diluluskan oleh Yang Dipertua membayar kepada Majlis apa-apa bayaran yang ditetapkan oleh Yang Dipertua untuk tempoh penggantungan tersebut.

Penghalangan dan pengalihan

39. (1) Tidak seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta atau tempat letak kereta.

(2) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis boleh memindahkan dan menahan apa-apa kenderaan motor atau benda atau barang yang menyebabkan halangan tersebut.

(3) Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya mana-mana benda atau barang yang dipindah di bawah subperenggan (1) itu yang adalah dari jenis yang mudah rosak supaya dimusnahkan atau dijual dan apa-apa hasilnya jika ada, boleh dituntut oleh tuan punya barang tersebut selepas ditolak semua perbelanjaan yang telah ditanggung oleh Majlis berkenaan dengan pemindahan, pembuangan atau penjualan benda atau barang-barang atau benda tersebut.

(4) Jika tiada tuntutan dibuat oleh tuan punya barang atau benda yang dijual di bawah subperenggan (3) selepas satu bulan dari tarikh penjualan, hasil yang diperolehi daripadanya hendaklah dikreditkan sebagai pendapatan Majlis.

(5) Pemunya kenderaan motor, benda atau barang selain daripada jenis yang dinyatakan dalam subperenggan (3) yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperenggan (2), boleh dalam masa satu bulan dari tarikh pengalihan tersebut

menuntut kenderaan motor, benda atau barang itu daripada Majlis setelah membayar kepada Majlis kesemua bayaran dan perbelanjaan yang dikenakan kepadanya dan yang ditanggung oleh Majlis berkaitan dengan pengalihan dan penahanannya.

(6) Jika kenderaan motor atau benda atau barang yang dialih dan ditahan di bawah subperenggan (2) tidak dituntut selepas tamat tempoh satu bulan daripada tarikh pengalihan, Yang Dipertua boleh mengarahkan kenderaan motor, benda atau barang yang dialihkan itu dijual atau dilupuskan mengikut cara yang difikirkan sesuai dan segala hasil yang diperolehi dikreditkan sebagai pendapatan Majlis.

Kenderaan motor dialih selepas satu hari

40. (1) Walau apapun peruntukan perenggan 39, jika kenderaan motor diletak dengan berterusan selama lebih dari satu hari yang mana tempoh meletak kenderaan motor tersebut telah tamat, kenderaan motor itu boleh dialih oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai polis dari tempat letak kereta itu dan disimpan di bawah jagaan Majlis.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan di bawah subperenggan (1) boleh ditahan oleh Majlis sehingga segala bayaran yang ditetapkan bagi tempoh yang tidak dibayar sehingga masa kenderaan motor itu dialih dari tempat letak kereta atau petak letak kereta beserta lain-lain perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis semasa mengalihkan dan menahan kenderaan motor tersebut telah dibayar kepada Majlis.

Pengalihan dan penahanan kenderaan motor

41. (1) Mana-mana atendan letak kereta boleh—

- (a) dengan menggunakan apa-apa alat atau apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Majlis menahan daripada bergerak sesebuah kenderaan motor yang mana pemandu atau orang yang berkuasa ke atas sesuatu kenderaan motor itu telah melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Perintah ini, termasuk tidak mematuhi mana-mana syarat yang telah dikenakan oleh Majlis; atau
- (b) mengalih dan menahan kenderaan itu ke suatu tempat yang dianggap sesuai oleh Yang Dipertua.

(2) Setiap kenderaan motor yang dialih dan ditahan adalah di bawah risiko tuan punya kenderaan motor berkenaan.

Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan

42. Majlis atau atendan letak kereta yang menguatkuasakan Perintah ini tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau kehilangan kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan motor yang dialih dan ditahan oleh Majlis di bawah peruntukan Perintah ini sama ada semasa atau selepas tindakan penguatkuasaan itu.

Majlis tidak bertanggungjawab ke atas lebihan bayaran letak kereta

43. Mana-mana orang yang telah mengeluarkan kenderaan motornya dari petak letak kereta sebelum tamat tempoh masa yang dibenarkan untuk meletakkan kenderaan motor itu tidak berhak untuk menuntut apa-apa lebihan bayaran letak kereta yang telah dibayar atau lebihan masa yang masih tidak digunakan.

Larangan berdagang atau berniaga

44. Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

Larangan membaiki kenderaan motor

45. Tiada seorang pun boleh membaiki sesebuah kenderaan motor atau membenarkan sesebuah kenderaan motor dibaiki di tempat letak kereta kecuali jika pembaikannya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan motor itu dialih dari tempat letak kereta itu.

Larangan membasuh dan mencuci

46. Tiada seorang pun boleh mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenar dicuci atau dibersihkan apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta.

Orang-orang yang dibenarkan di tempat letak kereta

47. Tiada seorang pun kecuali seseorang atendan letak kereta atau pemunya atau pemandu atau penumpang sesuatu kenderaan motor yang terletak di tempat letak kereta boleh berada atau tinggal di tempat letak kereta itu.

Larangan penggunaan tempat letak kereta untuk tujuan selain daripada meletak kereta

48. Tiada seorang pun boleh meletakkan atau menyebabkan diletak apa-apa kenderaan motor sama ada baru atau terpakai atau benda untuk tujuan jualan atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan motor untuk tujuan yang sama di mana-mana petak atau tempat letak kereta.

Pengalihan resit, tiket atau kompaun

49. Tiada seorang pun kecuali seseorang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit, tiket, kompaun atau notis yang dikeluarkan oleh seseorang atendan letak kereta dan yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian yang mudah dilihat semasa kenderaan motor itu diletak di mana-mana petak letak kereta.

Kecemasan

50. Dalam masa kecemasan, mana-mana atendan letak kereta yang bertugas atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih mana-mana kenderaan motor yang ditinggalkan dalam mana-mana petak letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai.

Petak letak kereta yang dikhaskan

51. Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan diletak atau membenarkan diletak apa-apa kenderaan di mana-mana petak letak kereta yang dikhaskan untuk kenderaan atau acara tertentu.

Kuasa meminda atau memansuhkan Jadual

52. Majlis boleh melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta* menambah, mengubah atau membatalkan kesemua atau mana-mana bahagian Jadual di bawah Perintah ini sebagaimana difikirkannya perlu.

Penalti

53. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit dan sebagai tambahan, Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi pembayaran kepada majlis apa-apa caj atau kos yang kena dibayar di bawah Perintah ini.

Mengkompaun kesalahan

54. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa mengikut seksyen 120 Akta Pengangkutan Jalan 1987 oleh Menteri boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini dengan mengutip daripada seseorang yang disyaki melakukan kesalahan tersebut wang berjumlah tidak melebihi tiga ratus ringgit.

Liabiliti pemunya berdaftar

55. Dalam hal pelanggaran atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini pemunya berdaftar kenderaan itu hendaklah dianggapkan sebagai telah melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika orang (iaitu bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
1. Pekan Jitra II	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta berkupon Letak kereta terkawal Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
2. Kompleks Jitra	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
3. Komplek Mohd Salleh Khan	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
4. Taman Suria	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
5. Taman Pasu	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
6. Medan Penjaja Bt. 13 Jln Changlon	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
7. Taman Bahagia	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
8. Taman Ihsan	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
9. Taman Rasa Sayang	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
10. Taman Jitra Jaya	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
11. Jalan Sungai Korok Alor Changleh	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
12. Taman Sri Aman	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
13. Pekan Kepala Batas	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
14. Bandar Darulaman	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
15. Pusat Bandar Barat Bandar Darulaman	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA
16. Bandar Darulaman Jaya	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
17. Tmn Desa Perdana	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
18. Taman Sri Halban	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
19. Pekan Tunjang	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
20. Pekan Changlon	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
21. Pekan Bukit Kayu Hitam	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
22. Komplek Penjaja Bkt Kayu Hitam	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A
23. Tmn Teja Changlon	60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya RM 120.00 sebulan RM 75.00 semusim	Letak kereta bertiket Letak kereta bermeter Letak kereta bayar & peraga Letak kereta musim Letak kereta bulanan	NOTA A

JADUAL KEDUA

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
1. Perhentian Teksi PJ II	RM 1.00 bagi meletak kereta sepanjang hari (Teksi Bandar sahaja) 30 sen sejam atau sebahagian daripadanya (Teksi Luar Bandar sahaja)	Letak kereta (bagi Teksi Luar Bandar dan Teksi Bandar)	NOTA A
2. Perhentian Teksi Changlon	RM 1.00 bagi meletak kereta sepanjang hari (Teksi Bandar sahaja) 30 sen sejam atau sebahagian daripadanya (Teksi Luar Bandar sahaja)	Letak kereta (bagi Teksi Luar Bandar dan Teksi Bandar)	NOTA A

(1) <i>Tempat Letak Kereta</i>	(2) <i>Bayaran Letak Kereta</i>	(3) <i>Jenis Tempat Letak Kereta</i>	(4) <i>Masa-masa Kawalan</i>
